


PU(A) 149/90

34



PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL CONSTITUTION

P.U. (A) 149.

14/06/1990

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

PERINTAH KEANGGOTAAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM 1990

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Fasal (4) Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Keanggotaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam 1990.** Nama.

2. Bilangan anggota lain Suruhanjaya Perkhidmatan Awam tidaklah boleh melebihi tiga puluh orang.

Bilangan anggota lain Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Diperbuat pada 16hb Mei 1990.

[P.M. (S) 11334/1 Jilid 6; P.N. (PU<sup>2</sup>) 171/XVI.]

Dengan Titah Perintah,

DATO' SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID,  
*Setiausaha Jemaah Menteri*

FEDERAL CONSTITUTION

CONSTITUTION OF THE PUBLIC SERVICES COMMISSION ORDER 1990

In exercise of the powers conferred by Clause (4) of Article 139 of the Federal Constitution, the Yang di-Pertuan Agong makes the following order:

1. This Order may be cited as the **Constitution of the Public Services Commission Order 1990.** Citation.

2. The number of the other members of the Public Services Commission shall not exceed thirty.


Number of other members of the Public Services Commission.

Made the 16th May 1990.

[P.M. (S) 11334/1 Jilid 6; P.N. (PU<sup>2</sup>) 171/XVI.]

By Command,

DATO' SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID,  
*Secretary to the Cabinet*



MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY



14hb Jun 1990

TAMBAHAN No. 36  
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 147.

## AKTA PILIHANRAYA 1958

PERATURAN-PERATURAN PILIHANRAYA (PENJALANAN PILIHANRAYA)  
(PINDAAN) (No. 2) 1990

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 16 Akta <sup>Akta 19</sup> Pilihanraya 1958, Suruhanjaya Pilihanraya, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

1. Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pilihanraya (Penjalanan Pilihanraya) (Pindaan) (No. 2) 1990.** Nama.
2. Peraturan 2 Peraturan-Peraturan Pilihanraya (Penjalanan Pilihanraya) Pindaan peraturan 2 P.U. (A) 386/81 1981, yang disebut "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, adalah dipinda—
  - (a) dengan memasukkan selepas takrif "ejen mengira" takrif baru yang berikut:

' "ejen pilihanraya" mempunyai erti yang sama seperti dalam Akta Kesalahan Pilihanraya 1954;';
  - (b) dengan memasukkan selepas takrif "kertas undi ganti" takrif-takrif baru yang berikut:

' "kertas undi pos" dan "pengundi pos" mempunyai erti yang sama seperti dalam Peraturan-Peraturan Pilihanraya (Pengundian Pos);';
  - (c) dengan memasukkan selepas takrif "pegawai pengurus" takrif baru yang berikut:

' "Peraturan-Peraturan Pilihanraya (Pengundian Pos)" ertinya bagi Malaysia Barat Peraturan-Peraturan Pilihanraya L.N. 71/59